

# Kenduri undang dosa

## Majlis keramaian perlu diurus secara sederhana mengikut syariat Islam

Oleh Nazri Hussein

**C**UTI sekolah bakal menjelma tidak lama lagi. Sehubungan itu, ramai pihak yang akan mengambil kesempatan ini untuk mengadakan pelbagai majlis keramaian seperti majlis walimatul urus, doa selamat, majlis aqiqah atau apa-apa saja sambutan yang dapat menghimpunkan ahli keluarga, sanak saudara, jiran tetangga hatta masyarakat setempat.

Mengadakan sesuatu majlis keramaian dengan tujuan yang baik tanpa ingin menunjuk-nunjuk hukunya adalah sunat muakad yang amat dituntut Allah. Ini berdasarkan kepada hadis Rasulullah SAW yang bermaksud: Kata Nabi kepada Abdul Rahman bin Auf tatkala beliau berkahwin, "Hendaklah kamu mengadakan majlis keramaian sekalipun hanya dengan menyembelih seekor kambing."

Islam sebagai agama yang harmonis dan muhibah, amat menggalakkan umatnya mengadakan apa-apa saja program atau majlis yang dapat mengeratkan silaturahim dalam masyarakat demi menjaga keutuhan ummah secara keseluruhan.

Justeru, dalam urusan keramaian, Islam amat menitikberatkan persoalan mengenai bagaimana majlis itu diselenggarakan dengan baik serta menurut adab dan syariat yang ditetapkan, sekali gus memperoleh keberkatan serta ganjaran pahala yang besar di sisi Allah.

Dalam persoalan mengadakan majlis keramaian ini, Rasulullah SAW memperincikan tata cara dan peraturan yang ditetapkan, antaranya:

■ Tiada percampuran dan pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan yang bukan muhrim

■ Tiada nyanyian atau hiburan yang boleh menimbulkan syahwat atau keinginan kepada maksiat

■ Tiada sesuatu perkara yang boleh melalaikan seseorang daripada mengingati Allah

■ Tiada dibezakan layanan antara golongan miskin atau fakir dengan golongan bangsawan atau kaya

■ Tiada hidangan minuman keras judi atau tari menari

Bagi seseorang yang mendapat jemputan menghadiri majlis keramaian di sesuatu tempat pula, menjadi kewajipan bagi mereka untuk menghadirinya sebagai tanda meraikan tuan rumah. Namun, tidaklah menjadi kefarduan seandainya kita tidak dapat menghadiri majlis keramaian itu disebabkan halangan atau keuzuran yang tidak dapat dielakkan.

Hal ini diterangkan Rasulullah SAW dalam satu hadis yang bermaksud: "Apabila kamu diundang menghadiri sesuatu walimah (majlis kenduri), maka hendaklah kamu menghadirinya." (Riwayat Bukhari dan Muslim)

Ketika berada di majlis pula, berhati-hatilah menjaga tutur kata agar terhindar daripada perbuatan memfitnah, mengumpat serta mengaibkan orang lain. Pamerlah akhlak dan tingkah laku yang sopan dan berbudi bahasa kerana majlis keramaian sebeginilah sikap dan perangai kita menjadi perhatian orang ramai.

Justeru, jagalah maruah dan harga diri dengan bergaul mesra dengan sesiapa saja tanpa mengira pangkat dan kedudukan.



MAJLIS keramaian adalah sunat muakad yang amat dituntut Allah dan perlu diselenggarakan mengikut syariat.

Kita sering melihat pada majlis keramaian, sikap membazir yang ditunjukkan oleh orang Islam tatkala berada di meja hidangan. Mereka tanpa segan silu mengambil makanan dan minuman secara berlebihan tanpa memikirkan orang lain.

Akibatnya, makanan di dalam pinggan tidak dapat dihabiskan kerana kekenyangan hingga terpaksa dibuang begitu saja. Sikap dan perbuatan sebegini dicerca oleh Allah seperti firman-Nya yang bermaksud: "*Makan dan minumlah kamu, tetapi jangan berlebih-lebihan. Sesungguhnya Allah membenci orang yang berlebih-lebihan (melampaui batas).*" (Surah al-A'raf, ayat 31)

Mutakhir ini, majlis keramaian yang diadakan di sesetengah tempat mula berubah konsep dan cara seiring dengan perubahan waktu dan zaman. Pelbagai adab dan budaya ditokok tambah bagi memeriahkan sesuatu majlis keramaian yang diadakan.

Sebagai muslim yang menghargakan keredaan Allah, berhati-hati dan berwaspadalah mengatur acara dan budaya yang diselitkan dalam sesuatu majlis keramaian agar tidak terpesong dari syariat yang ditetapkan.

Islam sebagai agama berperaturan tidak pernah menghalang apa-apa saja elemen atau perkara baru yang ingin ditonjolkan demi memeriahkan sesuatu majlis, namun ia mestilah bersandarkan kepada niat dan ibadah hanya untuk Allah semata-mata.

Jika wujud unsur hendak menunjuk-nunjuk atau memperagakan kemewahan diri seperti mengedarkan kad undang mahal atau eksklusif, majlis diadakan di tempat mewah seperti hotel, maka sudah tentu majlis itu akan jauh daripada keberkatan Allah serta tidak mendapat ganjaran pahala yang dijanjikan kerana ia tidak begitu menepati syariat.

Akhir-akhir ini, budaya memeri-

ahkan kenduri dengan nyanyian seperti karaoke, caklempong atau apa saja persembahan berunsurkan lagu seperti tarian diselitkan khususnya dalam majlis perkahwinan dan sering dianggap sebagai perkara yang perlu ada.

Islam tidak pernah menghalang muzik dan hiburan diselit sama untuk keseronokan tetamu kerana Rasulullah SAW membenarkannya. Namun, ia mestilah selari dengan tata cara yang dijelaskan oleh Nabi seperti dinyatakan di atas.

Seeloknya, dengarkan lagu berbentuk kerohanian seperti nasyid, marhaban dan berzanji, yang mampu mendekatkan diri kepada Allah dan Rasulullah melalui nasihat yang baik dan bermanfaat.

Paling penting, dahulukan jemputan kepada alim ulama, orang soleh dan solehah, kaum kerabat terdekat serta jiran tetangga supaya keberkatan majlis diperoleh seisi rumah. Janganlah sesekali meninggalkan golongan fakir dan miskin.